

Info Program

Program Sarjana Muda Sains Komputer merangkumi pelbagai aspek pengkomputeran sebagai satu disiplin. Program ini meliputi asas teori dan saintifik serta pelbagai aplikasi yang luas dalam pelbagai domain. Kurikulum program ini menekankan konsep pembelajaran berasaskan masalah khususnya melalui kursus praktikal / projek / berasaskan latihan yang bersepadu sepanjang tahun serta memberikan pendedahan berkaitan penyelidikan kepada pelajar.

Program ini menawarkan tiga pengkhususan utama:

- (i) Pengkomputeran Cerdas
- (ii) Infrastruktur Komputeran
- (iii) Kejuruteraan Perisian

Info Kerjaya

- (i) Pengkomputeran Cerdas: Jurutera Sistem Pintar, Jurutera Ilmu, Jurutera Data, Data Saintis, Penganalisis Data, Pemaju Web, Pemaju Permainan, Pereka Interaksi, Pengaturcara Multimedia, Pengurus Projek Multimedia dan Pakar Media Digital
- (ii) Infrastruktur Komputeran: Pentadbir Sistem, Penganalisis Sistem Komputer, Jurutera Sistem, Pengaturcara Sistem, Penganalisis Keselamatan Maklumat, Penganalisis Forensik Komputer, Pengurus Rangkaian, Pakar Sistem Terbenam dan Jurutera atau Arkitek Rangkaian.
- (iii) Kejuruteraan Perisian: Pengurus Projek Sistem Perisian / IT / Sistem Maklumat, Arkitek Software, Jurutera Ujian Perisian, Pegawai Kualiti Perisian, Sistem Maklumat / Pegawai Teknologi Maklumat, Pengurus Penyelidikan Maklumat, Pengurus Sistem Maklumat dan Pemaju Web.

